



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

**CERAMAH “STOP BULLYING” OLEH POLIS DIRAJA
MALAYSIA KEPADA PELAJAR SEKOLAH SEMPENA
PROGRAM PENANG GOES ORANGE 2023 (PGO2023)**
#Kindness4Wellness: Stop Bullying

TARIKH / MASA / TEMPAT

08 DISEMBER 2023 (JUMAAT)
8.30 PAGI

**AUDITORIUM MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
BUKIT MERTA JAM**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan-Nya jua kita dapat bersama-sama pada hari ini hadir dalam **Program Ceramah “Stop Bullying” oleh Polis DiRaja Malaysia kepada Pelajar Sekolah Sempena Program Penang Goes Orange 2023 (PGO2023) #Kindness4Wellness** di Auditorium Menara Bandaraya, Bandar Perda.
2. Di kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia DSP Raja Munawir Shah bin Raja Harun, Ketua Bahagian Siasatan Jenayah IPD SPT dan Inspektor Ananthiy a/p Tachinamurthi daripada Polis DiRaja Malaysia yang sudi hadir untuk memberi ceramah kepada pelajar-pelajar sekolah berhubung isu buli. Terima kasih juga kepada Encik Shimsol Bin Kasim, Timbalan PPD Sektor Pembangunan Murid bersama Encik Shahrul Rizal Bin Mah Sharif , Penolong PPD Unit Hal Ehwal Murid kerana sudi hadir pada pagi ini.

3. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Pegawai yang mewakili Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC). Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan Majlis Bandaraya Seberang Perai; pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Perda dan guru-guru pengiring; Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian yang sudi hadir dan bersama-sama menjayakan program pada pagi yang indah ini. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua amatlah dihargai.

4. Program *Penang Goes Orange* (PGO) merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) sejak tahun 2014 untuk membangkitkan kesedaran awam tentang isu-isu keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak serta mencari jalan penyelesaian untuk membasmi keganasan tersebut. Pada tahun ini (2023), kempen *Penang Goes Orange* ini dijalankan selama 16 hari bermula dari 25 November 2023 sehingga 10 Disember 2023.

5. Tema Tahun 2023 adalah *#Kindness4Wellness: Stop Bullying* yang dipilih selaras dengan inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia, yang bertujuan menambahkan kesedaran dan kefahaman tentang isu buli

secara fizikal dan di alam siber dalam kalangan para pelajar sekolah menengah, memandangkan kes-kes tersebut kian membimbangkan.

6. Keganasan memberi kesan buruk kepada masyarakat Pulau Pinang. Kami mempunyai toleransi sifar untuk sebarang bentuk keganasan, termasuk keganasan berasaskan jantina. Ia bukan sahaja melanggar hak asasi manusia, tetapi juga merendahkan kemanusiaan semua mangsa. Usaha mendekati dan mencegah budaya buli dari peringkat awal di sekolah boleh menyumbang dengan ketara kepada impak kepada perkembangan sahsiah pelajar.
7. MBSP merupakan rakan strategik PWDC dan sentiasa menyokong program-program yang dianjurkan oleh PWDC. Hari ini, MBSP menganjurkan satu (1) program dengan tema PGO 2023 di peringkat MBSP, iaitu dengan mengadakan taklimat berkaitan dengan tema PGO 2023 *#Kindness4Wellness: Stop Bullying* untuk menambahkan kesedaran dan kefahaman tentang isu buli secara fizikal dan di alam siber dalam kalangan para pelajar sekolah menengah.
8. Masalah buli secara fizikal dan pergaduhan di sekolah merupakan pelanggaran disiplin sekolah yang amat membimbangkan dan turut mendapat perhatian ibubapa dan masyarakat umum. Buli adalah

salah satu gejala yang boleh meninggalkan kesan yang buruk kepada fizikal dan juga mental kepada mangsa. Walaupun ianya berlaku sekali sekala, tetapi ia perlu dibanteras dan dikawal supaya keadaan tidak sihat ini tidak menjadi lebih teruk lagi.

9. Selain buli secara fizikal, murid-murid sekolah di peringkat rendah dan menengah juga turut berdepan buli di alam maya apabila ramai dalam kalangan mereka kini mempunyai akaun media sosial. Generasi celik teknologi ini cenderung berkongsi aktiviti harian mereka di beberapa aplikasi seperti *TikTok*, *Instagram*, *Facebook*, *Twitter* dan *YouTube* dengan memuat naik gambar serta video peribadi.
10. Mungkin atas faktor belum mencapai tahap kematangan berfikir, mereka beranggapan semua perkara boleh dikongsi di jaringan sosial itu, bahkan begitu cepat memberikan komen mengenai gambar dan video orang lain. Situasi itu sebenarnya mendedahkan mereka kepada perbuatan membuli dan dibuli sama ada secara terbuka di ruangan komen atau penghantaran mesej personal dengan kata-kata seperti sindiran, jenaka lucu, menghina bentuk badan dan rupa serta gangguan seksual.

11. Tindakan buli siber menyebabkan mangsa hilang keyakinan diri dan ada di antara mereka memendam rasa sehingga mengganggu emosi serta tumpuan terhadap pelajaran. Ada juga yang takut memberitahu ibubapa atau guru kerana bimbang disekat daripada menggunakan telefon bimbit. Meskipun tiada kecederaan fizikal, tetapi gejala buli siber perlu ditangani dengan lebih serius bagi mengelak budaya tidak sihat ini diamalkan ketika di universiti dan alam pekerjaan.

12. Saya menyambut baik usaha murni PDRM menangani gejala buli fizikal dan buli siber di kalangan pelajar sekolah yang semakin membimbangkan sejak mutakhir ini. Ianya direalisasikan dengan Pelancaran Program “Say No” Gejala Disiplin / Buli di Sekolah dan di Kalangan Murid-Murid. Penglibatan PDRM adalah ditunjangi oleh Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) dengan inisiatif perlantikan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) dari kalangan pegawai serta anggota PDRM di sekolah-sekolah seluruh negara bagi tujuan pemantauan keselamatan, disiplin, kesedaran berkenaan gejala sosial dan jenayah.

13. Program *Penang Goes Orange* (PGO) di MBSP ini melibatkan 100 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Perda bersama guru pengiring, pihak PWDC dan juga kakitangan MBSP serta pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sebagai penceramah. Saya ingin

mengucapkan syabas kepada jawatankuasa penganjur yang telah bekerja keras untuk menjayakan program yang dijalankan pada pagi ini. Sekalung penghargaan kepada semua agensi yang terlibat, ketua jabatan, para guru, ibu bapa dan semua peserta yang bersama-sama menjayakan acara yang amat bermakna pada pagi ini.

14. Akhir kata, dengan tulus ikhlas saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program pada hari ini. Dengan rasa besar hati dan dengan lafaz "***Bismillahirrahmanirrahim***", saya dengan ini merasmikan **Program Ceramah "Stop Bullying"** oleh Polis DiRaja Malaysia kepada Pelajar Sekolah Sempena Program ***Penang Goes Orange 2023 (PGO2023) #Kindness4Wellness***.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.